



PEJABAT KEWANGAN NEGERI SELANGOR

PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 5 TAHUN 2011

Kepada
Semua Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**PEMBERIAN ELAUN KEPADA AHLI DEWAN NEGERI BAGI
MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI
SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pemberian elaun bagi melaksanakan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor kepada Ahli Dewan Negeri (ADN).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan pentadbiran baru Kerajaan Negeri Selangor, satu agenda baru iaitu Merakyatkan Ekonomi Selangor diperkenalkan. Sehubungan dengan pelaksanaan agenda ini beberapa program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) telah dilaksanakan dengan peruntukan Kerajaan Negeri iaitu Pusat Khidmat Krisis Sehenti, Pembangunan Sungai Klang, Skim Kesihatan Wanita, Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Warisan Anak Selangor dan Skim Mesra Usia Emas.
- 2.2 Pada tahun 2011 sejumlah RM225,000,000.00 telah dibajet bagi melaksanakan program-program pembangunan, ekonomi dan sosial ke

arah Merakyatkan Ekonomi Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap termasuk program-program seperti di para 2.1 di atas.

- 2.3 Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk melaksanakan lebih banyak program-program MES bagi memberi manfaat kepada rakyat. Oleh itu, ADN adalah digalakkan untuk melaksanakan seberapa banyak program bagi mencapai matlamat tersebut.
- 2.4 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2011 yang bersidang pada 23 Mac 2011 telah bersetuju supaya elaun RM1,500.00 diberi kepada Ahli Dewan Negeri yang telah menjalankan atau menghadiri sekurang-kurangnya lima (5) program sebulan di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor.

3. PROSEDUR DAN KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Syarat-syarat bagi melayakkan penerimaan elaun ini adalah seperti berikut:

- a) Setiap ADN hendaklah melaksanakan atau menghadiri sekurang-kurangnya lima (5) program setiap bulan di kawasan Dewan Negeri masing-masing. Lima program tersebut merupakan program berbentuk mesra rakyat atau apa-apa program rasmi yang menggunakan peruntukan Ahli Dewan Negeri, peruntukan Jawatankuasa Tetap termasuk MES atau apa-apa peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri; dan
- b) ADN atau wakil hendaklah menghadiri program tersebut.

- 3.2 Kaedah tuntutan elaun adalah seperti berikut:

- a) ADN hendaklah mengemukakan tuntutan bulanan kepada Pejabat Daerah sebelum atau pada 10 hari bulan berikutnya;
- b) Carta aliran bagi prosedur dan kaedah pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran 1**; dan
- c) Borang tuntutan adalah seperti di **Lampiran 2**.

4. PELAKSANAAN BAGI DEWAN NEGERI KAWASAN PEMBANGKANG

- 4.1 Bagi kawasan pembangkang, Pegawai Penyelaras adalah dibenarkan untuk membuat tuntutan selaras dengan peranan mereka melaksanakan program-program mesra rakyat di kawasan yang berkenaan.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Arahan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2011 dan tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,




(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)
Pegawai Kewangan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tarikh : **30** Mac 2011

Salinan Kepada:

- i. Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri
- ii. Semua Ahli Dewan Negeri (yang berkaitan)
- iii. Semua Pegawai Penyelaras
- iv. Setiausaha Dewan

CARTA ALIRAN PROSEDUR DAN KAEDAH PERLAKSANAAN



KENYATAAN TUNTUTAN INSENTIF PROGRAM MES

BAGI /

(Bulan)

(Tahun)

MAKLUMAT AHLI DEWAN NEGERI/PEGAWAI PENYELARAS				
Nama (Huruf Besar) :				
No. Kad Pengenalan :				
Kawasan DUN :				
Alamat Pejabat :				
No. Tel :				
No. Faks :				
Tarikh	Waktu		Tempat Program	Maklumat Program
	Mula	Selesai		
JUMLAH TUNTUTAN				RM

**sila sertakan lampiran lain jika ruang ini tidak mencukupi*

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa :

- a) Semua Program yang disenaraikan di atas telah dilaksanakan dengan jayanya.
- b) Butir-butir seperti yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya.

Tarikh:

.....

(Cop & Tandatangan EXCO/ADN/
Pegawai Penyelaras)

PENGESAHAN PEJABAT DAERAH NEGERI SELANGOR

Adalah disahkan bahawa program tersebut telah dilaksanakan.

Tarikh:.....

.....

(Cop & Tandatangan Pegawai Daerah)